

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan dan peruntukan untuk menubuhkan univeristi, kolej komuniti atau kampus cawangan baru di Parlimen Baling.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diberi kelulusan untuk menubuhkan Kampus Cawangan UiTM Baling, Kedah. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/MOF/d/00 JDL.10 SK.6 (14) bertarikh 29 Jun 2018 telah memutuskan bahawa semua perolehan tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus bagi perolehan bekalan, perkhidmatan perunding dan kerja yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) adalah dibatalkan. Kampus Cawangan UiTM Baling, Kedah pada masa tersebut adalah di peringkat prapelaksanaan dan SST belum dikeluarkan yang secara langsung menjadikan proses perolehan tender bagi pembangunan Kampus Cawangan UiTM Baling termasuk dalam arahan pembatalan seperti yang dikeluarkan oleh pihak MOF.

Menyedari kepentingan penubuhan cawangan UiTM ini, KPT telah membuat permohonan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri untuk mewujudkan semula butiran projek melalui surat kepada Ketua Pengarah UPE, JPM rujukan KPT.BP.(S).200-1/4/1 (4) bertarikh 16 Julai 2020. Sekian. Terima kasih.